

## Apa lagi yang patut saya lakukan?

Anda harus menjalani pemeriksaan mamogram setiap 2 tahun jika anda berumur 50 tahun atau lebih.

- Jika anda menjalani penyaringan secara berkala, sebarang kanser yang dikesan itu mungkin berada pada tahap yang awal.
- Jika keluarga anda mempunyai sejarah kanser payudara yang kuat, (ibu/adik-beradik perempuan/anak perempuan/bapa/adik beradik lelaki/anak lelaki) maka anda dinasihatkan untuk menjalani penyaringan mamogram tahunan.
- Jika anda pernah menderita kanser payudara, adalah penting bagi anda berjumpa dengan GP untuk pemeriksaan berkala dan menjalani penyaringan mamogram tahunan.

## Sentiasa ambil perhatian pada payudara anda

- Kenalilah payudara anda dan tahu apa yang normal bagi anda. Lihatlah payudara anda di depan cermin dan rasalah payudara anda dari semasa ke semasa.
- Minta GP anda memeriksa payudara anda secara berkala.
- Berjumpa dengan GP anda dengan segera jika anda mendapati sebarang perubahan dalam payudara anda.

## Perubahan-perubahan yang mesti diberikan perhatian termasuk:

- Gumpalan, berbonjol-bonjol atau menebal;
- Perubahan pada kulit payudara, seperti berkerut-kerut, berlesung atau beruam;
- Sakit yang berulang-ulang atau luar biasa;
- Perubahan pada bentuk atau saiz payudara;
- Lelehan daripada puting payudara, atau perubahan pada bentuk payudara.

## Adakah anda mempunyai apa-apa soalan?

Hubungi GP anda atau telefon:

BreastScreen WA

(08) 9323 6700 - untuk maklumat

13 20 50 untuk janji temu

1800 800 033 panggilan percuma bagi wanita desa

E-mel: [breastscreenwa@health.wa.gov.au](mailto:breastscreenwa@health.wa.gov.au)

National Relay Service [www.relayservice.gov.au](http://www.relayservice.gov.au)

13 14 50 Translating and Interpreting Service (TIS)



[www.breastscreen.health.wa.gov.au](http://www.breastscreen.health.wa.gov.au)

© BreastScreen WA, Department of Health, 2015

# BreastScreen WA

## Selepas penyaringan mamogram – Apa lagi yang akan berlaku?

## After your screening mammogram, what next?

HP008942 SEPT 15



Department of Health



## Tahniah kerana anda sudi menjalani pemeriksaan kesihatan yang penting ini.

### Bagaimana tentang keputusannya?

Filem anda akan diteliti dan diperiksa oleh dua pakar radiologi. Kami akan berdaya upaya untuk memastikan anda menerima keputusan anda melalui pos dalam tempoh dua minggu. Tolong telefon BreastScreen WA di (08) 9323 6700 atau bagi wanita yang tinggal di desa hubungilah nombor percuma 1800 800 033 jika keputusan belum sampai dalam tempoh itu.

Keputusan anda juga akan dihantar kepada GP (Doktor Keluarga) yang telah anda cadangkan kecuali anda telah membuat permintaan berlainan.

### Bagaimana jika saya memerlukan pemeriksaan X-ray tambahan?

Kadang-kadang seseorang wanita akan dipanggil kembali untuk pemeriksaan X-ray lagi. Jika ini perlu dilakukan, seorang Jururawat Penilaian Payudara dari BreastScreen WA akan menghubungi anda untuk membincangkan hal itu.

### Wanita yang tinggal di kawasan bandar

Di kawasan bandar, pemeriksaan X-ray tambahan akan dijalankan di salah satu Breast Assessment Centres, BreastScreen WA.

Biasanya keputusan pemeriksaan tambahan tidak akan menunjukkan sebarang masalah. Sebilangan kecil wanita akan memerlukan ujian-ujian tambahan misalnya ultrasound atau biopsi. Ujian-ujian ini akan dijalankan pada hari pemeriksaan X-ray tambahan itu dijalankan.

### Wanita yang tinggal di desa WA

Bagi wanita di desa, pemeriksaan X-ray tambahan akan dijalankan di pusat khidmat bergerak.

Jururawat Breast Assessment akan menelefon anda untuk memberitahu anda samada anda memerlukan ujian-ujian tambahan.

### Adalah penting untuk mengingat bahawa kebanyakan wanita yang menjalani ujian-ujian tambahan tidak mendapat kanser

Semua wanita yang memerlukan ujian-ujian tambahan akan diberikan pilihan untuk memilih Breast Assessment Centres atau pergi berjumpa GP mereka. Keputusan ujian-ujian di Breast Assessment Centres akan diketahui pada hari ujian-ujian itu dijalankan, kecuali keputusan biopsi teras yang hanya akan diketahui selepas 24 jam.

Bagi beberapa orang wanita yang mendapat kanser, pengesanan awal akan mempertingkatkan peluang berjaya rawatan. Kanser payudara kecil biasanya boleh dirawat dengan pembedahan yang kurang ekstensif berbanding dengan pembedahan yang diperlukan oleh kanser besar. Misalnya, biasanya mungkin lebih mudah membuang sseuatu gumpalan daripada membuang seluruh payudara.

### Adakah mamogram itu akan menunjukkan semua jenis kanser payudara?

Mamogram itu boleh mengesan sampai 90% kanser payudara. Namun, terdapat sebilangan kecil kanser yang tidak boleh dikesan oleh mamogram.

Jika anda mendapati sebarang perubahan dalam payudara anda seperti gumpalan, lelehan puting payudara atau sakit payudara baru yang berulang-ulang, anda mesti segera pergi berjumpa dengan GP anda, walaupun mamogram itu tidak menunjukkan tanda-tanda kanser payudara.

Perubahan yang tidak berbahaya, seperti sista, biasanya boleh dilihat pada mamogram tetapi anda hanya akan diberitahu jika ujian-ujian tambahan perlu dijalankan.

### Apakah yang akan berlaku kemudian?

BreastScreen WA akan menghantar surat kepada anda jika masanya sudah tiba untuk anda menjalani pemeriksaan mamogram yang berikutnya.

Semua mamogram yang telah anda ambil selama program tersebut akan disimpan dengan baik dan akan dibandingkan dengan mamogram yang akan anda ambil di masa depan.

### Jangan lupa

- Jika anda berumur 50 atau lebih, anda mesti menjalani pemeriksaan penyaringan mamogram tiap-tiap 2 tahun.
- Pengesanan kanser payudara awal ialah perlindungan terbaik bagi anda.
- Berjumpa dengan GP anda dengan segera jika anda mendapati sebarang gejala yang luar biasa pada payudara anda.

Jika alamat anda sudah bertukar, harap telefon 13 20 50\* dan beritahu kami.

Jika anda memerlukan bantuan juru bahasa sila hubungi 13 14 50.

(\* kos panggilan tempatan)